

# DENGGI...DAN KISAHNYA YANG MEMILUKAN

## INFO

### APA ITU DEMAM DENGGI

- Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk aedes aegypti yang telah dijangkiti.
- Terdapat empat (4) jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi (DEN 1, DEN 2, DEN 3 dan DEN 4).
- Jangkitan oleh salah satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja, jika individu tinggal di kawasan jangkitan denggi, mereka boleh dijangkiti lebih dari sekali seumur hidupnya.
- Lebih 100 negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, Amerika Timur Mediterranean dan Pasifik Barat mengalami masalah denggi.

### DEMAM DENGGI BERDARAH

- Merupakan demam denggi yang teruk disebabkan oleh jangkitan virus denggi.
- Kebiasaan tanda sakit adalah sama dengan demam denggi. Pesakit akan menjadi teruk disebabkan oleh radang di salur darah. Tanda-tanda yang biasa termasuklah muntah, pitam dan sakit di bahagian abdomen.
- Salur darah di dalam badan boleh mengalami kebocoran dan menyebabkan isi padu darah berkurangan. Ini boleh menyebabkan pesakit mengalami renjatan (shock) dan akhirnya boleh menyebabkan kematian.
- Tiada ubat-ubatan yang khusus untuk merawat demam denggi. Pesakit perlu dimasukkan ke wad bagi rawatan demam denggi berdarah. Rawatan awal boleh mengelakkan kematian dengan kadar kurang daripada 1 peratus. Pesakit akan diberikan rehidrasi untuk memastikan beliau tidak mengalami renjatan.
- Walaupun nama penyakit ini demam denggi berdarah, masalah yang membawa kemudaratan adalah masalah kebocoran salur darah yang menyebabkan renjatan dan bukan pendarahan yang menjadi masalah utama.

### APAKAH TANDA-TANDA DEMAM DENGGI?

- Kebiasaannya demam akan terjadi pada hari ke tiga hingga ke 14 selepas digigit oleh nyamuk yang dijangkiti, kebiasaannya di antara 4 hingga 7 hari.

# Lawan sakit demi anak

**SEPANJANG** diserang demam denggi dan menjalani tempoh rawatan selama hampir seminggu, Normairah Yuhani Jamaluddin, 28, dari Kuala Lumpur, tetap menyusukan bayi yang ketika itu baru berusia enam bulan.

"Seluruh badan rasa sakit-sakit...kepala seperti mahu pecah. Sukar untuk saya gambarkan kesakitan ketika itu. Hanya yang pernah alaminya tahu bagaimana rasanya..."

Mengungkap cerita katanya, dia tidak menyangka rasa tidak sedap badan yang dialami sejak seminggu sebelum ditahan di wad itu petanda demam denggi.

"Pada mulanya hanya sakit-sakit badan dan rasa sakit kepala. Badan elok saja sejuk tapi bila diperiksa, suhu badan mencecah 40 darjah Celsius. Masa itu, mata rasa seperti ditekan-tekan ke dalam.

"Saya terpaksa melawan kesakitan itu hampir dua minggu demi anak saya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Walaupun keadaannya ketika itu sangat lemah, namun

## PENGAKUAN 2

Normairah perlu menyusukan anaknya, Muhammad

Rizqi Muhammad Farish.


"Setiap malam, Rizqi bergantung dengan susu badan. Mengikut kata doktor tiada masalah untuk menyusukan bayi selagi saya mampu.

"Saya kuatkan semangat...tak sanggup tengok dia menangis kerana tidak mahu susu formula," katanya.

Baginya, walaupun sentiasa didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan denggi sepanjang kerjayanya sebagai pengamal media, ia tidak menjadikannya 'kebal' untuk terkena jangkitan berkenaan.

"Dalam pada saya berjaga-jaga, termasuk memastikan rumah sentiasa bersih, itu tidak menjamin tiada jangkitan. Kita tak sedar bila dan di mana digigit nyamuk.

"Cukuplah sekali ini. saya tak sanggup lagi hadapi situasi sakit kerana denggi. Memang terlalu sakit, saya juga kasihan anak dan keluarga yang terabai sepanjang tinggal dalam wad," katanya.



Normairah meriba Rizqi, ketika ditahan di wad selama dua minggu akibat demam denggi.

Sinar P  
91412  
mls 3

# Nyawa ibarat di hujung tanduk

- Selalunya ia akan bermula dengan demam kuat yang mengejut, sakit kepala yang teruk/kuat, sakit pada bahagian belakang mata serta otot-otot dan sendi-sendi. Ruam merah di kulit juga boleh terjadi.
- Demam ini boleh mencapai suhu 40 - 41 C, dan selalunya akan berlarutan selama 2 hingga 7 hari. Ia juga boleh menyebabkan serangan sawan di kalangan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Sakit teruk pada tulang-tulang, otot-otot dan sendi-sendi. Demam denggi ini juga dikenali sebagai "breakbone fever".
- Ruam selalunya akan tumbuh pada hari ke 3 dan 4 selepas bermulanya demam.
- Muntah dan kurang selera makan.

## PEMASTIAN DIAGNOSIS PENYAKIT

- Antibodi akan dikesan di dalam darah (Dengue IgM) (Antibodi yang dihasilkan oleh sistem pertahanan badan untuk melawan jangkitan).
- Ujian PCR (kaedah mengesan genetik virus) boleh mengesan virus denggi di dalam darah dan nyamuk boleh didapati di sesetengah makmal.
- NSI antigen: Satu lagi ujian yang mengesan virus ini pada peringkat awal/demam.

## RAWATAN

- Segera berjumpa dengan doktor kerana tiada ubat yang khusus untuk merawat demam denggi.
- Rehat dan banyakkkan minum air masak. Ubat paracetamol boleh diambil untuk menurunkan demam dan mengurangkan kesakitan.
- Elak ubat aspirin bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
- Mandi jerlum.
- Antibiotik tidak diperlukan.

## BAGAIMANA CARA UNTUK MENCEGAH DENGGI?

Pada masa sekarang tiada vaksin untuk mengubati demam denggi. Bagaimanapun usaha sedang dijalankan untuk menghasilkan vaksin tersebut.

"SEMINGGU ter-  
lantar di hospital gara-  
gara denggi berdarah  
cukup menyeksakan, saya se-  
perti berada di ambang maut,"  
kata Zainal Izuddin Saharudin,  
25, yang berdepan pengalam-  
an cukup perit selepas disah-  
kan positif denggi pada April  
tahun lalu.

**PENGAKUAN 3**

Menceritakan pengalamannya dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, anak sulung daripada dua beradik yang menetap di Shah Alam itu, mengaku masih trauma kerana keadaannya ketika itu dia seperti tiada harapan lagi.

Menurut anak kelahiran Rembau, Negeri Sembilan itu, sebelum diwadkan, badannya kerap letih tetapi tidak demam, kemudian berasa sihat semula sebelum tiba-tiba demam dan berlanjutan selama beberapa hari.

"Seolah-olah ada benda dalam badan yang tak dapat keluar, saya paksa juga batuk akhirnya keluar darah pekat.



**Zainal Izuddin ketika terlantar di hospital akibat denggi berdarah pada April tahun lalu.**

"Ketika itu memang cuak dan terus ke klinik, sebelum doktor maklumkan platlet darah saya jatuh kepada bacaan 24. Doktor maklumkan juga saya mengalami pendarahan dan dalam keadaan bahaya.

Dia kemudiannya dikejarkan ke HTAR untuk rawatan

selanjutnya. Di hospital waktu itu seperti wabak, ramai pesakit dimasukkan kerana denggi. Menyebabkan laluan antara wad ke wad ditempatkan katil sementara, bagi menampung jumlah pesakit yang bertambah.

"Doktor arahkan saya mi-

num air tanpa henti sepanjang tiga hari, tapi tetap letih. Saya juga hilang selera makan.

"Malangnya, platlet darah saya terus menjunam kepada bacaan 15 dan sangat kritikal, doktor ambil darah dua jam sekali," katanya.

Dalam tempoh itu, pelbagai petua diamalkan, disuruh makan ketam nipah, minum air jambu batu atau apa sahaja semuanya dicuba.

"Saya rasa ketam nipah itu sangat mujarab. Untuk sembuh perit juga, terpaksa minum banyak air dan kena paksa makan walaupun tidak ada selera.

"Berat badan saya turun mendadak dari 116 hingga 107 kilogram, bahkan kesan selepas demam denggi menyebabkan saya selalu berasa letih dan lemah sendi," katanya.

Pekerja swasta itu tidak menolak berkemungkinan kawasan perumahannya terletak dalam hotspot denggi di Seksyen 7 menjadi penyebab dia dijangkiti.